

10 MAY 2001

Azalina-Puteri

PUTERI UMNO YAKIN DITERIMA UMUM, KATA AZALINA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Puteri Umno yakin setiap program yang dirancangnya akan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai khususnya golongan wanita muda.

Ketua penajanya Azalina Othman berkata tiada halangan bagi Puteri Umno mendapatkan ramai anggota memandangkan respon yang diterimanya amat baik.

Puteri Umno akan menyediakan empat van sebagai pejabat bergerak bagi membolehkannya menjalankan urusan pendaftaran anggota di peringkat negeri, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Penaja Puteri Umno di sini, hari ini.

Menurutnya sasaran keanggotaan akan ditumpu di kawasan ramai wanita muda Melayu seperti di sektor perindustrian, pendidikan selain golongan profesional.

Mengenai program yang akan dilaksanakan, Azalina berkata antara lain Puteri Umno akan membantu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam gerakan pendaftaran pengundi bulan ini.

Beliau berkata mesyuarat kali kedua itu juga memutuskan untuk mengadakan Kem Bina Semangat Khas Puteri Umno bagi mengukuhkan komitmen antara Jawatankuasa Penaja Puteri Umno Pusat dan Ketua dan anggota jawatankuasa negeri.

Kira-kira 200 exco pusat, exco negeri dan ketua-ketua negeri dijangka menyertai kem itu yang akan diadakan selama empat hari, katanya.

Azalina berkata Jawatankuasa Penaja Puteri Umno turut melantik Ketua di setiap negeri kecuali Johor.

"Ketua penaja di Johor (Hazlina Jalil) akan ditukar kerana beliau kini berkhidmat dengan kerajaan negeri. Kita akan dapatkan penggantinya," katanya.

Pelancaran rasmi Puteri Umno akan dilakukan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos atau September ini.

-- BERNAMA

FA AHH NAK